A

PP lwn. SALIHUDIN SUDIN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
MUHAMMAD JAMIL HUSSIN PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45B-02-05-2014]
8 MEI 2016

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Membunuh – Kanun Keseksaan, s. 302 – Si mati dipukul bersama-sama lima yang lain dengan corak pukulan dan pada bahagian yang sama – Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati – Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai niat atau pengetahuan untuk membunuh si mati apabila mendatangkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati – Sama ada perbuatan tertuduh-tertuduh terjumlah di bawah mana-mana satu skop s. 300(a), (b), (c) atau (d) Kanun Keseksaan – Elemen-elemen di bawah s. 302 Kanun Keseksaan – Sama ada berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie*

C

D

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pindaan – Pertuduhan di bawah s. 302 dipinda kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan – Mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh – Si mati dipukul bersama-sama lima yang lain dengan corak pukulan dan pada bahagian yang sama – Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen di bawah s. 304 Kanun Keseksaan – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie*

E

F

Tertuduh-tertuduh adalah banduan di Penjara Kampung Gajah, Johor. Pada satu malam, satu bulatan dibuat di dalam bilik no. 4. SP8 dan lima orang banduan lain ditempatkan di tengah-tengah bulatan tersebut dan kemudiannya dipukul oleh tertuduh-tertuduh di bahagian hidung, kerongkong dan dada. Salah seorang daripada banduan ('si mati') dipukul hingga pengsan dan meninggal dunia pada keesokan harinya. Pakar patologi forensik ('SP9') mengesahkan bahawa kematian si mati berpunca daripada impak kuat trauma tumpul pada bahagian dada. Tertuduh-tertuduh dipertuduh membunuh iaitu, satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'), dibaca bersekali dengan s. 34 Kanun yang sama. Tertuduh-tertuduh mendalihkan bahawa pihak pendakwaan (i) gagal membuktikan wujudnya niat bersama dalam melakukan pembunuhan; dan (ii) gagal membuktikan satu kes *prima facie*. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa mereka berjaya membuktikan (i) elemen-elemen kesalahan di bawah s. 302 Kanun; dan (ii) niat bersama kerana terdapat perancangan bersama dalam kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh-tertuduh apabila (a) mereka membuat bulatan; (b) ada yang mengawal keadaan sekitar daripada diketahui warden penjara; dan (c) memukul dan mendatangkan kecederaan kepada SP8 dan lima banduan lain, termasuk si mati. Elemen-elemen di bawah s. 302 Kanun yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah (i) sama ada mangsa telah meninggal dunia;

G

H

I

(ii) sama ada kematian disebabkan oleh perbuatan tertuduh-tertuduh; dan (iii) sama ada perbuatan tertuduh-tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan di bawah mana-mana satu skop s. 300(a), (b), (c) atau (d) Kanun Keseksaan, dengan niat atau pengetahuan.

Diputuskan (mensabitkan tertuduh-tertuduh terhadap pertuduhan terpinda di bawah s. 304 Kanun Keseksaan):

(1) Tidak dipertikaikan bahawa si mati telah meninggal dunia. Mayat si mati dicamkan oleh, antara lain, bapanya, SP8 dan seorang lagi banduan ('SP10'). Berdasarkan keterangan SP8 dan SP10, jelas bahawa tertuduh-tertuduh yang menyebabkan kecederaan pada si mati. Keterangan SP9 pula menyatakan bahawa si mati meninggal dunia akibat impak kuat trauma tumpul pada bahagian dada. Oleh itu, kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh-tertuduh yang mendatangkan kecederaan pada si mati. (perenggan 14 & 20)

(2) Tertuduh-tertuduh tidak mempunyai niat atau pengetahuan untuk membunuh si mati apabila mendatangkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati kerana (i) bulatan tidak dibuat khas untuk si mati; (ii) bukan si mati seorang sahaja yang dipukul di tengah-tengah bulatan tersebut kerana ada lima orang lagi yang turut dipukul; (iii) si mati dipukul dengan corak pukulan yang sama dengan lima orang itu tetapi mereka tidak pengsan; (iv) si mati dipukul di bahagian badan yang sama dengan lima orang itu tetapi mereka tidak pengsan; (v) si mati dan lima orang itu dipukul dengan cara yang sama iaitu menggunakan tangan; dan (vi) si mati orang keempat yang dipukul dan tiga lagi yang dipukul sebelum itu tidak pengsan. (perenggan 27)

(3) Jika tertuduh-tertuduh berniat membunuh si mati, sudah tentu mereka hanya memukul si mati sahaja tetapi mereka memukul lima yang lain. Tambahan lagi, jika tertuduh-tertuduh berniat membunuh si mati, sudah tentu corak pukulan dan/atau bahagian badan si mati yang dipukul tidak sama dengan lima orang itu tetapi sebaliknya, corak pukulan dan/atau bahagian badan yang dipukul adalah sama. Perbuatan tertuduh-tertuduh memukul lima orang yang lain, di samping memukul si mati, dengan corak pukulan yang sama dan/atau pada bahagian badan yang sama menunjukkan mereka tidak berniat membunuh si mati. Tiga orang yang dipukul oleh tertuduh-tertuduh tidak pengsan sedangkan corak pukulan dan bahagian badan yang dipukul atas tiga orang ini dan si mati adalah sama. Ini menunjukkan tertuduh-tertuduh tiada pengetahuan bahawa perbuatan mereka yang mendatangkan kecederaan pada si mati boleh membawa kepada kematiannya. (perenggan 28 & 29)

(4) Perbuatan tertuduh-tertuduh yang mendatangkan kecederaan kepada si mati yang menyebabkan kematiannya tidak terjumlah di bawah mana-mana satu skop s. 300(a), (b), (c) atau (d) Kanun. Pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa tertuduh-tertuduh mempunyai niat atau

pengetahuan mengikut undang-undang bagi melakukan kesalahan membunuh. Pihak pendakwaan juga gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh-tertuduh bagi kesalahan yang dipertuduh di bawah s. 302 Kanun. Sebaliknya, satu kes *prima facie* telah dibuktikan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh di bawah s. 304 Kanun. Pertuduhan di bawah s. 302 dipinda kepada s. 304(a) Kanun ('pertuduhan terpinda') dan elemen-elemen kesalahan di bawah pertuduhan terpinda telah pun dibuktikan. Tertuduh-tertuduh mengaku bersalah bagi pertuduhan terpinda. (perenggan 31-36)

(5) Mengambil kira pengakuan bersalah tertuduh-tertuduh dan kepentingan awam serta keseriusan kesalahan, tertuduh-tertuduh disabitkan dengan pertuduhan terpinda dan masing-masing dijatuhkan hukuman penjara 18 tahun. (perenggan 37)

Kes-kes yang dirujuk:
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Norazam Ibrahim [2006] 8 CLJ 462 HC ***(dirujuk)***
Tham Kai Yau & Ors v. PP [1976] 1 LNS 159 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Penal Code, ss. 34, 299, 300(a), (b), (c), (d), 302, 304(a)

Bagi pihak pendakwa raya - Amira Sariaty Zainal; TPR
Bagi pihak tertuduh pertama - Hishamudin A Aziz; T/n Hishamudin Aziz & Co
Bagi pihak tertuduh kedua - Zurina Sidik; T/n Zurina & Co
Bagi pihak tertuduh ketiga - Salmi Hamdan Sabran; T/n Sahrihan & Hamdan

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Muhammad Jamil Hussin PK:

[1] Salihudin bin Sudin (tertuduh pertama), Arif Fikri bin Zainal (tertuduh kedua) dan Ahmad Fadhil bin Mohamad (tertuduh ketiga) telah dituduh dengan pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada di antara 20.8.2013 di antara jam 9.00 malam hingga 21.8.2013 jam 8.00 pagi, di rumah No. 4, Wing Kiri, Blok Tawakal, Penjara Kampung Gajah, Kluang, di dalam daerah Kluang, di dalam negeri Johor Darul Ta'zim, telah melakukan kesalahan bunuh hingga menyebabkan kematian MOHAMAD AZMIZAN BIN AZMAN (No. K/P: 930912-01-5071) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca di bawah seksyen 34 yang sama.

[2] Setelah pertuduhan dibaca dan diterangkan, tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga membuat pengakuan tidak bersalah. Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 12 orang saksi bagi membuktikan kesnya.

Kes Pendakwaan

[3] Tertuduh pertama, tertuduh kedua, tertuduh ketiga, Mohamad Azmizan bin Azman (si mati) dan 12 orang lagi termasuk Muhammad Hazwan bin Hussin (SP8) dan Muhammad Nur Al-Hafiz bin Selimin (SP10) adalah merupakan banduan-banduan yang ditempatkan di dalam sebuah bilik no. 4, Wing Kiri, Blok Tawakal, Penjara Kampung Gajah, Kluang, Johor. Pada 20 Ogos 2013 jam lebih kurang 9 malam satu bulatan dibuat dalam bilik no. 4 tersebut. Selepas dipanggil oleh tertuduh pertama, SP8 duduk di tengah-tengah bulatan tersebut. Tertuduh pertama telah menumbuk SP8 di hidung, kerongkong dan dada, diikuti oleh tertuduh kedua yang menumbuk SP8 di kerongkong dan dada juga tertuduh ketiga yang menumbuk SP8 di kerongkong dan dada. Seramai lima orang lagi termasuk si mati dipukul oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga di tengah-tengah bulatan tersebut dengan corak pukulan yang sama seperti mana dialami oleh SP8. Selepas dipukul si mati duduk dekat bulatan tersebut dalam keadaan tercungap-cungap, kemudian si mati jatuh pengsan dan tidak sedarkan diri. SP8, SP10 dan rakan-rakan mereka mengangkat si mati dan meletakkan si mati di atas tilam. Si mati masih bernafas lagi. Pada keesokan harinya, jam 6.45 pagi SP10 dapati si mati tidak bangun. Beliau ada mengejutkan si mati, tetapi tidak ada tindak balas dan muka si mati pucat. Si mati kemudiannya dibawa ke Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Kluang, Johor di mana Dr Fakharuddin Iqbal Abdullah mengesahkan si mati telah mati. Dr Khairul Anuar bin Zainun (SP9) pakar patalogi forensik, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati pada 21 Ogos 2013 jam 2 petang di bilik bedah siasat Unit Perubatan Forensik, Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Kluang, Johor, berpendapat sebab kematian si mati adalah akibat impak kuat trauma tumpul yang dialaminya pada bahagian dada (blunt-force trauma to the chest).

Hujahan Pihak-Pihak

[4] Peguam bela tertuduh pertama berhujah elemen *mens rea* di bawah s. 300 Kanun Keseksaan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan sekiranya ada perbuatan dilakukan oleh tertuduh pertama pada tarikh dan masa kejadian ianya lebih merujuk kepada s. 299 Kanun Keseksaan. Mengenai s. 34 Kanun Keseksaan peguam bela tertuduh pertama berhujah tidak ada langsung keterangan bahawa wujudnya perancangan dahulu antara tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga sama ada sebelum atau semasa kejadian, maka pihak pendakwaan telah gagal menunjukkan wujudnya niat bersama antara tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga dalam melakukan kesalahan seperti mana pertuduhan. Selanjutnya

peguam bela tertuduh pertama berhujah pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama seperti mana pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[5] Peguam bela tertuduh kedua berhujah daripada semua keterangan yang dikemukakan mahkamah tidak dapat membuat penemuan fakta bahawa *mens rea* wujud dalam s. 300(c) Kanun Keseksaan, maka satu kes *prima facie* seperti mana pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh kedua.

[6] Peguam bela tertuduh ketiga berhujah pihak pendakwaan telah gagal membuktikan niat membunuh atau wujudnya pengetahuan oleh tertuduh ketiga bahawa kecederaan yang dialami oleh si mati boleh sebabkan kematiannya dengan demikian pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh ketiga seperti mana pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[7] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) berhujah elemen-elemen kesalahan seperti mana pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan telah dibuktikan dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga. Mengenai niat bersama, TPR berhujah terdapatnya perancangan dahulu dalam kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga di mana mereka telah membuat bulatan, ada yang mengawal keadaan sekitar daripada diketahui oleh warden penjara serta memukul dan mendatangkan kecederaan bukan sahaja kepada si mati tetapi juga SP8 dan empat banduan lain.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[8] Seksyen 180(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa di akhir kes pendakwaan mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Daripada autoriti (*Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 MLJ 65; [2002] 2 MLRA 383, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301; [2004] 2 MLRA 547) standard pembuktian oleh pihak pendakwaan di akhir kes mereka adalah untuk membuktikan satu kes *prima facie*. Kes *prima facie* telah diterangkan dalam beberapa kes antaranya *Looi Kow Chai* (*supra*), *Balachandran* (*supra*).

[9] Ujian yang perlu dipakai dalam menentukan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* telah dinyatakan dalam kes *Looi Kow Chai* (*supra)*, *Balachandran* (*supra*), *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590. Ujian tersebut bolehlah dirumuskan seperti berikut:

> Mahkamah mesti membuat penilaian maksima (penilaian positif - kes *Balachandran*, *supra*) ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan bertanya kepada diri sendiri soalan: Jika saya

memanggil tertuduh untuk membela diri dan tertuduh memilih untuk berdiam diri adakah saya bersedia untuk mensabitkan tertuduh atas keterangan di hadapan saya sekarang. Jika jawapan adalah 'ya' maka satu kes *prima facie* telah dibuktikan dan pembelaan hendaklah dipanggil. Jika jawapan adalah 'tidak' maka satu kes *prima facie* tidak dibuktikan dan tertuduh hendaklah dibebaskan.

[10] Maksud penilaian maksima dinyatakan dalam kes *Looi Kow Chai* (*supra*), *Mohd Radzi Abu Bakar* (*supra*). Walaupun kes *Balachandran* menyatakan penilaian positif saya berpendapat kedua-dua penilaian maksima dan penilaian positif bermaksud dan merujuk kepada proses penilaian yang sama bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan dan reliability keterangan pendakwaan.

[11] Justeru itu, menurut prinsip yang dinyatakan dalam kes-kes di atas, mahkamah ini akan membuat penilaian maksima ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam menentukan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga bagi kesalahan yang dipertuduhkan.

[12] Saya telah meneliti semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Saya telah menimbang dengan teliti hujahan bertulis peguam bela tertuduh pertama, peguam bela tertuduh kedua, peguam bela tertuduh ketiga dan TPR serta meneliti autoriti-autoriti yang dirujuk. Saya telah membuat penilaian maksima ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[13] Elemen-elemen kesalahan seperti mana pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti yang dihujahkan oleh peguam bela tertuduh pertama, peguam bela tertuduh kedua, peguam bela tertuduh ketiga dan TPR. Elemen-elemen tersebut adalah:

(i) Mohamad Azmizan bin Azman (si mati) telah mati;

(ii) kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga;

(iii) perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang menyebabkan kematian si mati dilakukan sama ada:

(a) perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang menyebabkan kematian si mati dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;

(b) perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh (bodily injury) yang tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga ketahui berkemungkinan (likely) akan menyebabkan kematian si mati;

(c) perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh kepada si mati dan kecederaan tubuh yang diniatkan itu adalah cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian; atau

(d) tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga melakukan perbuatan itu dengan pengetahuan bahawa perbuatan itu adalah begitu berbahaya (imminently dangerous) bahawa ia mesti dalam semua kebarangkalian (probability) menyebabkan kematian, atau kecederaan tubuh itu yang mungkin membawa kepada kematian dan melakukan perbuatan itu tanpa apa-apa alasan (excuse) bagi mendatangkan bahaya (risk) yang menyebabkan kematian atau kecederaan itu.

Elemen (i) Si Mati Telah Mati

[14] Adalah tidak dipertikaikan bahawa si mati telah mati. SP9 yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati menyatakan bahawa si mati telah mati boleh dianggarkan di antara 12 ke 24 jam sebelum tarikh dan masa bedah siasat dijalankan. Mayat si mati telah dicamkan di bilik bedah siasat tersebut oleh bapa si mati, Azman bin Dayak (SP11) dan pegawai penyiasat kanan, DSP Ahmad Zamry bin Marinsah (SP12). SP11 juga telah mengecam gambar bedah siasat si mati (P3 gambar 2). SP8 dan SP10 juga mengecam gambar bedah siasat si mati, (P3 gambar 2) banduan yang ditempatkan dalam bilik no. 4 tersebut bersama mereka yang mereka panggil si mati dengan nama panggilan Toyol.

Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen (i).

Elemen (ii) Kematian Si Mati Disebabkan Oleh Perbuatan Tertuduh Pertama, Tertuduh Kedua Dan Tertuduh Ketiga

[15] Adalah tidak dipertikaikan bahawa tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga telah menumbuk si mati. Keterangan SP8 dan SP10 menunjukkan tertuduh pertama telah menumbuk si mati di hidung, kerongkong dan dada. Selepas itu tertuduh kedua menumbuk si mati di kerongkong dan dada diikuti oleh tertuduh ketiga yang menumbuk si mati juga di kerongkong dan dada.

[16] Daripada pemeriksaan bedah siasat luaran ke atas mayat si mati, SP9 mendapati beberapa kesan kecederaan pada bahagian luaran muka, leher dan tangan, iaitu luka lecet dan lebam di atas hidung, di mana hidung turut bengkak, senget dan patah tulangnya, dua luka koyak yang lurus di bibir atas dan dua luka lecet di bibir bawah, bibir bawah juga bengkak, satu luka lebam di rahang kiri, satu luka lebam di hadapan leher, satu luka lebam di bahu kiri dan satu luka lebam di tangan kiri.

[17] Pemeriksaan bedah siasat dalaman pula antara lain SP9 mendapati pendarahan otot-otot leher bahagian kiri bersangkutan dengan kecederaan luaran di bahagian rahang dan leher, pendarahan di kalenjar tiroid kiri,

pendarahan otot di bahagian dada kiri dan otot intercostal keempat kanan, tulang sternum dada patah, kehadiran darah dalam salur pernafasan utama, paru-paru mengalami pendarahan di bahagian lobus tengah dan bawah paru-paru kanan serta bawah paru-paru kiri yang berdekatan dengan jantung, pendarahan di selaput jantung dan bintik-bintik pendarahan di bahagian bawah dan belakang jantung.

[18] Menurut SP9, kecederaan berupa luka lebam, lecet dan koyak di bahagian hidung, mulut, leher, bahu dan tangan kiri dihasilkan oleh impak objek tumpul yang dikenakan ke bahagian-bahagian tersebut menerusi ketukan, tumbukan, tendangan dan impak objek tumpul di bahagian hidung turut menyebabkan pendarahan dan patah tulang hidung, pengumpulan darah ini di dalam saluran pernafasan turut boleh menjadi faktor penyumbang kepada kematian si mati manakala kecederaan di dada turut terhasil akibat impak kuat objek tumpul menerusi ketukan, tumbukan, tendangan ke bahagian tersebut. Kesan impak trauma tumpul ini telah menyebabkan patah tulang sternum dada, pendarahan paru-paru dan pendarahan tisu sekitar kawasan jantung. Kesan kecederaan ini boleh menyebabkan kegagalan fungsi jantung yang membawa kepada kematian si mati pada waktu tersebut dan kecederaan sebegini adalah secara lazimnya *fatal in nature* dan peluang untuk hidup secara amnya adalah tipis walaupun si mati sempat menerima rawatan perubatan.

[19] Menurut SP9 lagi, berdasarkan corak keseluruhan kecederaan pada mayat si mati, ianya tidak sesuai dilakukan oleh si mati sendiri atau terhasil akibat jatuh, tidak ada sebarang tanda-tanda penyakit biasa yang serius dijumpai pada si mati yang boleh menyumbang atau membawa kepada kematian si mati dan berpendapat sebab kematian si mati adalah akibat impak kuat trauma tumpul yang dialaminya pada bahagian dada (blunt-force trauma to the chest).

[20] Daripada keterangan SP8, SP10 adalah jelas tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga adalah orang yang menyebabkan kecederaan-kecederaan ke atas si mati dan daripada keterangan SP9, si mati mati akibat impak kuat trauma tumpul yang dialaminya pada bahagian dada (blunt-force trauma to the chest). Kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang telah mendatangkan kecederaan-kecederaan kepada si mati.

Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen (ii).

Elemen (iii) Perbuatan Tertuduh Pertama, Tertuduh Kedua Dan Tertuduh Ketiga Yang Menyebabkan Kematian Si Mati Dilakukan Di Bawah Mana-mana Satu Skop (Ambit) s. 300(a), (b), (c) Atau (d) Kanun Keseksaan (Dengan Mens Rea Dalam Erti Kata Niat Atau Pengetahuan)

[21] Seksyen 299 dan 300 Kanun Keseksaan memperuntukkan masing-masing takrif bagi kesalahan mematikan orang dengan salah (culpable homicide) dan kesalahan membunuh.

[22] Sama ada kesalahan adalah mematikan orang dengan salah (culpable homicide) atau membunuh bergantung atas darjah risiko kepada nyawa manusia (degree of risk to human life). Jika menyebabkan kematian adalah mungkin (likely) maka ianya adalah mematikan orang dengan salah (culpable homicide), jika menyebabkan kematian adalah barangkali besar (most probable) maka ianya adalah membunuh. Persoalannya adalah darjah kebarangkalian (degree of probability). (*Tham Kai Yau & Ors v. PP* [1976] 1 LNS 159; [1977] 1 MLJ 174).

[23] Bagi menentukan sama ada tertuduh mempunyai *mens rea* dalam erti kata niat atau pengetahuan untuk membunuh yang mana adalah elemen mental dan persoalan fakta ianya tidak mampu dibuktikan melalui keterangan langsung. Ianya mesti didapati dari keterangan tidak langsung dengan merujuk kepada semua fakta dan keadaan dalam sesuatu kes itu. (*PP v. Norazam Ibrahim* [2006] 8 CLJ 462; [2006] 3 AMR 524).

[24] Timbalan Pendakwa Raya di dalam hujahan bertulisnya langsung tidak menyentuh secara spesifik sama ada perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang menyebabkan kematian si mati dilakukan di bawah mana-mana satu skop (ambit) s. 300(a), (b), (c) atau (d) Kanun Keseksaan.

[25] Sekarang apakah fakta dan keadaan di dalam kes ini sama ada mahkamah boleh membuat inferens bahawa tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga mempunyai niat atau pengetahuan untuk membunuh si mati.

[26] Fakta dan keadaan di dalam kes ini adalah seperti berikut:

(i) pada malam kejadian enam orang termasuk si mati dipukul oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga di tengah-tengan bulatan;

(ii) si mati adalah orang keempat yang dipukul;

(iii) corak pukulan, bahagian badan yang dipukul adalah sama terhadap si mati dan lima orang lagi;

(iv) pukulan hanya menggunakan tangan;

(v) selepas dipukul si mati bangun pergi ke tandas untuk mencuci hidung yang berdarah dan menukar seluar kemudiannya duduk semula dalam bulatan; dan

(vi) si mati pengsan bukan sejurus selepas menerima pukulan tetapi pengsan lebih kurang sepuluh minit kemudian.

[27] Daripada fakta dan keadaan seperti yang dinyatakan di atas, mahkamah ini tidak dapat membuat inferens bahawa tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga mempunyai niat atau pengetahuan untuk

membunuh si mati apabila mendatangkan kecederaan-kecederaan tersebut yang menyebabkan kematian si mati. Ini berdasarkan kepada alasan-alasan berikut:

(i) bulatan tersebut bukannya dibuat khas untuk si mati;

(ii) bukan si mati seorang sahaja yang dipukul di tengah-tengah bulatan tersebut, lima orang lagi juga dipukul;

(iii) si mati dipukul dengan corak pukulan yang sama dengan lima orang lagi itu, tetapi lima orang lagi itu tidak pengsan;

(iv) si mati dipukul di bahagian badan yang sama dengan lima orang lagi itu, tetapi lima orang lagi itu tidak pengsan;

(v) si mati dan lima orang lagi itu dipukul dengan cara yang sama iaitu menggunakan tangan; dan

(vi) si mati adalah orang keempat yang dipukul, tiga orang yang dipukul sebelum itu tidak pengsan tetapi malangnya bagi si mati, si mati pengsan kemudiannya selepas dipukul walaupun dipukul dengan corak pukulan dan di bahagian badan yang sama dengan tiga orang itu.

[28] Jika tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga mempunyai niat untuk membunuh si mati sudah semestinya mereka hanya memukul si mati seorang sahaja. Tetapi mereka juga memukul lima orang yang lain. Tambahan lagi jika tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga mempunyai niat untuk membunuh si mati, sudah semestinya corak pukulan dan atau bahagian badan yang dipukul ke atas si mati adalah tidak sama dengan lima orang itu tetapi sebaliknya corak pukulan dan atau bahagian badan yang dipukul adalah sama. Perbuatan mereka memukul lima orang lain itu, di samping memukul si mati dengan corak pukulan yang sama dan atau di bahagian badan yang sama menunjukkan mereka tidak mempunyai niat untuk membunuh si mati.

[29] Tiga orang yang dipukul oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga sebelum si mati dipukul, tidak pengsan. Corak pukulan dan bahagian badan yang dipukul ke atas tiga orang lain dan si mati adalah sama tetapi mereka tidak pengsan. Malangnya bagi si mati, si mati pengsan kemudiannya. Ini menunjukkan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga tidak ada pengetahuan bahawa perbuatan mereka yang mendatangkan kecederaan kepada si mati boleh menyebabkan kematian kepada si mati.

[30] Darjah kebarangkalian (degree of probability) tentang kematian si mati yang disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang mencederakan si mati bukanlah barangkali besar (most probable) tetapi adalah mungkin (likely). Ini adalah kerana tiga orang yang dipukul oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga sebelum

si mati dipukul, dengan corak pukulan yang sama, di bahagian badan yang sama, tidak pengsan, tetapi tidak seperti mana yang dialami oleh si mati di mana si mati telah pengsan. Memandangkan darjah kebarangkalian kematian si mati yang disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang mencederakan si mati adalah mungkin (likely) dan bukannya barangkali besar (most probable) maka kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga adalah mematikan orang dengan salah dan bukannya membunuh.

[31] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya berpendapat perbuatan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga yang mendatangkan kecederaan kepada si mati yang telah menyebabkan kematian si mati tidak terjatuh di bawah mana-mana satu skop (ambit) s. 300(a), (b), (c) atau (d) Kanun Keseksaan.

[32] Pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bahawa tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga mempunyai niat atau pengetahuan mengikut undang-undang bagi melakukan kesalahan membunuh.

Elemen (iii) telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[33] Saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga bagi kesalahan yang dipertuduhkan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[34] Walaupun pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga bagi kesalahan yang dipertuduhkan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan tetapi dari semua keterangan yang dikemukakan saya mendapati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh (culpable homicide not amounting to murder) di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[35] Mahkamah meminda pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan. Dalam meminda pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan saya mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah boleh dipercayai (credible) dan telah membuktikan semua elemen-eleman kesalahan bagi pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah. Wujudnya niat bersama antara tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga untuk melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan.

[36] Pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga. Tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga membuat pengakuan bersalah kepada pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah. Tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga faham akan sifat dan akibat pengakuan bersalah. Mahkamah menerima pengakuan bersalah tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga.

[37] Setelah menimbang rayuan meringankan hukuman oleh peguam bela tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga, hujahan oleh TPR, mengambil kira pengakuan bersalah tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga, kepentingan awam serta keseriusan kesalahan ini mahkamah mensabitkan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga dengan pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah dan menjatuhkan hukuman 18 tahun penjara terhadap tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga.